

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI HAJI AHMAD BIN HAJI MASLAN
[PONTIAN]**

TARIKH : 10 OKTOBER 2019 (KHAMIS)

SOALAN

DATUK SERI HAJI AHMAD BIN HAJI MASLAN [PONTIAN] minta **MENTERI INDUSTRI UTAMA** menyatakan perbandingan harga-harga setan atau sekilo pada 1 April 2018 dibanding pada 1 Oktober 2019 iaitu BTS sawit, getah sekerap, koko, lada hitam dan komoditi lain bawah kawalan Kementerian. Nyatakan langkah-langkah terperinci untuk menaikkan harga komoditi tersebut dan berapa ramaikah pekebun kecil dan industri yang terlibat dengan setiap komoditi.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Izinkan saya menjawab soalan ini bersekali dengan soalan yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Sekijang pada 22 Oktober 2019, Yang Berhormat Sungai Besar pada 4 November 2019, Yang Berhormat Lawas pada 7 November 2019, Yang Berhormat Julau dan Yang Berhormat Serian pada 13 November 2019 serta Yang Berhormat Dungun pada 28 November 2019 yang juga menyentuh tentang perkara yang sama.

Tuan Yang di-Pertua,

Pada 1 April 2018, tiada data harga direkodkan memandangkan tarikh tersebut jatuh pada hari Ahad. Walau bagaimanapun, harga Buah Tandan Segar (BTS) bergred A pada 2 April 2018, harga di semenanjung

SOALAN NO.: 10

Malaysia adalah RM529 per tan manakala pada 1 Oktober 2019 pula, harga BTS adalah RM408/tan. Harga getah *cuplumps* adalah RM 1.90 sekilogram di semenanjung pada 2 April 2018 manakala pada 1 Oktober 2019, harga *cuplumps* telah meningkat kepada RM 2.01sekilogram.

Bagi komoditi koko pula, harga di semenanjung pada 2 April 2018 adalah RM6,650 per tan manakala harga pada 1 Oktober 2019 telah meningkat kepada RM7,050 per tan dan pada 9 Oktober 2019, harga koko meningkat lagi kepada RM 7,300 per tan. Selain itu, harga bagi komoditi lada hitam adalah RM11,763 per tan pada 2 April 2018 dan RM7,400 per tan pada 1 Oktober 2019.

Tuan Yang di-Pertua,

Menyedari hakikat kejatuhan harga komoditi ini, pihak Kementerian sentiasa meneroka pasaran baharu sebagai salah satu usaha bagi menstabilkan harga komoditi negara. Antara pasaran baharu yang telah diteroka adalah Afrika, Turki, Mesir, Iran, Maghribi, Columbia dan sebagainya melalui beberapa siri misi ekonomi, pelaburan dan teknikal serta mesyuarat.

Tuan Yang di-Pertua,

Berkaitan soalan Yang Berhormat Pontian mengenai jumlah pekebun kecil, mengikut sumber daripada Pengkalan Data Pekebun Kecil (PDPK) Kementerian Industri Utama, bilangan pekebun kecil persendirian dan tersusun sehingga tahun 2018 bagi komoditi sawit adalah lebih kurang setengah juta, komoditi getah seramai 441,937, komoditi koko seramai 13,800, komoditi lada seramai 30,311 dan komoditi kenaf seramai 856 orang.

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian juga sentiasa berusaha membantu meringankan beban pendapatan pekebun kecil antaranya dengan melaksanakan inisiatif berikut:

- (a) memperkenalkan sistem belian secara atas talian MyROL yang telah digunakan di empat pusat pembelian getah secara berkelompok.

SOALAN NO.: 10

Melalui sistem ini harga getah yang ditawarkan adalah lebih kompetitif dan memberi pulangan yang lebih tinggi kepada pekebun kecil kerana capaian kepada pembeli adalah lebih meluas; dan

- (b) menggalakkan pekebun kecil melaksanakan amalan integrasi tanaman dan ternakan sebagai pendapatan sampingan. Pekebun kecil sawit digalakkan untuk memilih tanaman kontan (*cash crop*), sayur-sayuran atau buah-buahan untuk diintegrasikan manakala tanaman getah pula boleh diintegrasikan dengan pisang, betik, nenas, durian dan buah salak. Selain itu, integrasi ternakan seperti lebah dan kelulut juga berpotensi untuk diusahakan bersama tanaman getah.

Sekian, terima kasih.